



26 Julai 2026

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**
The Rt. Revd. Kenneth Thien
- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**
The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

- Revd. Fredoline Babiah
- Revd. Robert Chin (Sukarela)
- Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)
- Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin
- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung
- **Belia:** Alan Chung
- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee
- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yung
- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud
- **PJA:** Revd. Majetus Majar
- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud
- **Belia:** Danny Daniel
- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel
- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**
Alex Wong Chun Sang
- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui
- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel
- **Doa:** Chu Sui Fun
- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo
- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew
- **Pentadbiran:** Margaret Khong
- **Penyelenggaraan:**
Rommel Lumantas
- **Pengangkutan:**
Rommel Lumantas
- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan, Korpri, Malinau & Tanjung Selor**
Revd. Jakobus Chong
Ps. Lim Tze Ling
Ps. Daniel Musa Litu
- **Nunukan**
Revd. Roy Nol Simon
- **Sebakis**
Revd. Martin Ataring
- **Seimenggaris**
Revd. Ferdinan Antonis
Ps. Christinah Simon
- **Sekalayan**
Revd. Alexander Nenotek



Mesej Rektor...

PENGALAMAN PASUKAN PELAYANAN MISI MEDAN, INDONESIA

"Setibanya di situ mereka memanggil jemaat berkumpul, lalu mereka menceritakan segala sesuatu yang Allah lakukan dengan perantaraan mereka, dan bahwa Ia telah membuka pintu bagi bangsa-bangsa lain kepada iman."

(Kisah Para Rasul 14:27)

Pada 18-23 Julai 2026, SPC telah mengutus pasukan misi yang pertama ke Medan, Indonesia. Walaupun seorang daripada Tim Misi Medan terpaksa menarik diri atas sebab yang tidak dapat dielakkan, namun 24 anggota yang lain berjaya melaksanakan misi dengan penuh kesetiaan. Sepanjang minggu tersebut, Tim Misi Medan telah terlibat dalam pelbagai pelayan:

Kebaktian Penetapan: Pasukan Misi Medan telah menyertai Kebaktian Penetapan untuk 25 anggota jemaat daripada 4 buah gereja Anglikan di Medan. Tim Medan juga mempersembahkan sebuah tarian.

Penyembahan & Persekutuan: Pasukan Misi Medan memimpin "A Night of Worship" bersama gereja-gereja Anglikan tempatan dan mempersembahkan sebuah tarian pada malam tersebut. Mereka juga melawat dan mendoakan beberapa keluarga gereja tempatan.

Penjangkauan (Outreach): Pasukan Misi Medan mengendalikan pelayan jangkauan kanak-kanak dan menganjurkan sesi masakan khas "Makanan Sabah" untuk membina hubungan rapat dengan komuniti tempatan. Setiap anggota pasukan kembali dengan kesaksian peribadi mengenai kebaikan Tuhan dan pelajaran di ladang misi. Berikut adalah tiga kesaksian daripada Pasukan Misi Medan:

Mauming Singkung (Ketua Pasukan Misi Medan)

Puji Tuhan! Pelayan Misi Medan telah selesai dengan penuh kasih karunia Tuhan walaupun kami berhadapan pelbagai cabaran, namun Tuhan sentiasa hadir memimpin, mencukupkan setiap keperluan, dan menguatkan kami. Misi ini bukan sahaja menjadi berkat kepada mereka yang kami layani, malah turut memperbaharui iman saya. Benarlah firman Tuhan dalam Filipi 1:6...

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.
Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Anglikan
Diosis Sabah



dari muka surat sebelah...

..."la yang memulakan pekerjaan yang baik di antara kamu, akan meneruskannya sampai akhirnya pada hari Kristus Yesus."

Pn. Cleoffe Samanggang (Pendoa dan Pelayanan Kanak Kanak)

Saya bersyukur kerana berpeluang mengikuti misi kali ini. Sepanjang misi, saya diberi kesempatan untuk melayani sebagai pendoa dan dalam pelayanan kanak-kanak. Satu prinsip yang sentiasa saya pegang ialah, "*Connect before you correct.*" Saya percaya hubungan yang dibina dengan kasih membuka hati seseorang untuk menerima bimbingan dan nasihat. Melalui senyuman dan keceriaan anak-anak, saya dapat melihat kasih Allah dinyatakan dengan begitu indah. Pengalaman ini mengingatkan saya bahawa kasih Tuhan boleh dikongsikan melalui perkara-perkara yang sederhana, namun memberi kesan yang besar dalam kehidupan mereka. Segala kemuliaan bagi Tuhan.

Pn. Eunice Shim (Anggota Pasukan Medan)

Sepanjang melayani dalam pasukan misi buat pertama kalinya, saya belajar bahawa Tuhan sentiasa setia. Walaupun berdepan cabaran kewangan, kami hampir tertinggal kapal, keletihan, dan perubahan jadual pelayanan secara tiba-tiba. Namun, kasih serta penyertaan Tuhan sentiasa menguatkan saya untuk terus melayani dengan sukacita. Melalui setiap pengalaman, saya melihat tangan Tuhan bekerja, membentuk hati saya agar semakin taat. Segala kemuliaan hanya bagi Tuhan.

[Minggu ini, dua pasukan Misi telah diutus ke Tarakan dan Tanjong Selor. Marilah kita mengingati mereka di dalam doa kita]

MENARA DOA

27 Julai 2026 (Isnin) | 7:30 malam | PJA

Jemaat sangat didorong untuk hadir dan berdoa bersama.

LIGA BOLA SEPAK **SEL KANAK-KANAK**

26 Julai 2026 (Ahad) | 3:30 petang
Padang SPC

Berita

PELAYANAN SEL BELIA & MUDA-MUDI

Pemimpin Sel Baharu :

- 1) Irene Sapan
- 2) Emilia Marthen
- 3) Bira Piter
- 4) Chen Siong Shun
- 5) Marlina

Penanaman dan Pergandaan Sel :

- 1) Penanaman Sel Baharu - Sel Rangu
- 2) Pergandaan Sel - Sel Kongsi 10.

Kita mengucapkan syukur untuk pertumbuhan dalam pelayanan sel Belia dan Muda-mudi PJA. Mari seluruh jemaat terus sokong pelayan ini di dalam doa anda.

ALPHA PERKAHWINAN SPC & PJA

Tarikh : 5 Ogos 2026 | 7:00 malam
(Selama 8 minggu)

Yuran: RM 150 setiap pasangan
(Terbuka kepada pasangan suami dan isteri sahaja)

Tempat : Pusat Jangkauan Apas

Tarikh Tutup Pendaftaran:
27 Julai 2026 (Isnin Ini)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
Rev Majelus Majar: 0 11-2983 8597

KURSUS ALPHA PRA PERKAHWINAN **SPC & PJA**

Tarikh : 12 September 2026 | 7:00 malam

Yuran: RM150 setiap pasangan
Tempat : Bilik HOPE, SPC

Tarikh Tutup Pendaftaran:
17 Ogos 2026 (Isnin)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
Rev Anzen Daud: 0 12-841 2316



MAKLUMAN PERJALANAN **PASUKAN MISI 2026**

1. Tarakan & Tanjung Selor : 23-27 Julai

Teruskan berdoa untuk pasukan misi yang akan ke ladang misi sepanjang bulan Julai ini.

KEBAKTIAN GABUNGAN **SPC DAN PJA**

9 Ogos 2026 (Ahad) | 11:00 pagi
Rumah Doa

Kebaktian ini merupakan Kebaktian Istimewa Minggu Kanak-Kanak



YURAN

RM 80 sebelum 26 Julai

RM 90 selepas 3 Ogos

(Termasuk makanan, penginapan dan t-shirt)

TARIKH DAN TEMPAT

31 Ogos- 2 September 2026

Sekolah Visi Tawau

ISTIMEWA UNTUK PESERTA SPC & PJA

JUMLAH ANAK	SUBSIDI	JUMLAH BAYARAN
1 Orang	TIADA SUBSIDI	RM80
2 Orang	Anak 1 - RM80 Anak 2 - RM50	RM130
3 Orang	Anak 1 - RM80 Anak 2 - RM50 Anak 3 - RM50	RM180

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
En. Presley Samson di talian 012-844 9242*

KUTIPAN DANA KONVENSYEN PELAJAR SPAA

1. Kek Butterkrim : RM25.00
2. Keropok Udang (buatan sendiri) : RM25.00

Tempahan dibuka pada :
25-26 Julai 2026

Kaunter tempahan dan pembayaran dibuka selepas kebaktian di Foyer Rumah Doa.

PENGAMBILAN **PELAJAR TINGKATAN 1** **SM ST. PATRICK 2027**

Dokumen yang diperlukan:

1. Salinan Kad Pengenalan atau Sijil Lahir
2. Kad Baptisan
3. Kad Laporan Peperiksaan yang terkini
4. No. telefon yang boleh dihubungi

*Permohonan boleh terus dihantar kepada
Revd. Hendrik Linggi Allo (019-833 5569)
di Pejabat Gereja Good Tidings sebelum
31 Julai 2026 (Jumaat).*

PERSEMBAHAN DAN PERSEPULUHAN

Pemindahan Dalam Talian:
Public Bank: 3091827035

Cek atas nama:
St. Patrick's Church, Tawau



Persepuluhan



Persembahan

Sila kirimkan salinan slip bank-in atau bukti pemindahan ke nombor : 011-5995 4101

SIRI KHUTBAH : ASKAR KRISTUS YANG DIBANGUNKAN
MEMENANGI PEPERANGAN MINDA SETIAP HARI
2 KORINTUS 10:1-5

1. Memahami peperangan

2Korintus 10:3-4 *"³Memang kami masih hidup di dunia, tetapi kami tidak berjuang secara duniawi, ⁴karena senjata kami dalam perjuangan bukanlah senjata duniawi, melainkan senjata yang diperlengkapi dengan kuasa Allah, yang sanggup untuk meruntuhkan benteng-benteng."*

2. Mengenali musuh sebenar

2Korintus 10:4-5 *"⁴Karena senjata kami dalam perjuangan bukanlah senjata duniawi, melainkan senjata yang diperlengkapi dengan kuasa Allah, yang sanggup untuk meruntuhkan benteng-benteng. ⁵Kami mematahkan setiap siasat orang dan merubuhkan setiap kubu yang dibangun oleh keangkuhan manusia untuk menentang pengenalan akan Allah. Kami menawan segala pikiran dan menaklukkannya kepada Kristus."*

3. Empat soalan yang perlu ditanya

- I. Adakah fikiran ini benar?
- II. Adakah pemikiran ini selaras dengan karakter Tuhan?
- III. Adakah fikiran ini membawa saya kepada ketaatan?
- IV. Apakah yang dikatakan oleh Firman Tuhan?

4. Memenangi peperangan dalam fikiran setiap hari

- I. Perbaharuilah fikiranmu dengan Kebenaran Tuhan - Roma 12:2
- II. Penuhilah fikiranmu dengan Firman Tuhan - Kolose 3:16
- III. Tawanlah setiap pemikiran - 2 Korintus 10:5
- IV. Berdoalah sehingga damai sejahtera Tuhan menjaga fikiranmu - Filipi 4:6-7

Respon peribadi :

- Apakah benteng dalam pemikiran anda yang perlu dirobohkan/dihancurkan/dimusnahkan?
- Apakah dusta/penipuan yang telah anda percayai selama ini?
- Apakah fikiran yang perlu ditawan dan ditaklukkan kepada Kristus pada hari ini? Mahukah anda menyerahkan sepenuhnya fikiran anda kepada Ketuhanan Yesus Kristus?